

Delegasi UNIMAS di THE Asia Universities Summit 2022



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Nagoya, Jepun : Asia Universities Summit 2022 telah berlangsung pada 31 Mei hingga 2 Jun 2022 di Fujita Health University, Nagoya, Jepun. Sidang Kemuncak Universiti Asia anjuran Times Higher Education (THE) pada tahun ini bertemakan *Facing The Future, Creating Academic Talent*.

Delegasi UNIMAS yang diketuai Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi telah turut serta berada di Jepun bagi menghadiri Sidang Kemuncak Universiti Asia pada kali ini. THE Chief Knowledge Officer, En Phil Baty berkata dalam satu kenyataan, ini merupakan Sidang Kemuncak pertama yang diadakan secara bersemuka dalam tempoh tiga tahun semenjak pandemik Covid-19 melanda dunia.

Penganjuran kali ini juga merupakan penghormatan istimewa kerjasama dengan Fujita Health University untuk tahun kedua berturut-turut selari dengan keberhasilan mereka sebagai universiti perubahan yang menonjol dalam usaha serantau untuk mengelak kesan terburuk pandemik Covid-19.

Dua acara penting yang menjadi tumpuan pada Sidang Kemuncak ini ialah pengumuman edisi terkini **Asia University Rankings (AUR) 2022** dan Malam Gala **THE Awards Asia 2022**.

Dalam pengumuman penarafan AUR 2022, UNIMAS kekal berada di kedudukan **401-500**. Sebanyak 616 buah universiti dan institusi pendidikan dari 31 buah negara/wilayah berada dalam penarafan ini. Penarafan AUR menggunakan 13 petunjuk prestasi yang ditentukan dengan teliti untuk memberikan perbandingan paling komprehensif dan seimbang bagi mencerminkan keutamaan Universiti Asia.

Sementara itu, UNIMAS turut berbangga apabila berada dalam kelompok lapan (8) finalis terbaik Asia dalam dua kategori bagi THE Awards Asia 2022 iaitu **International Strategy of The Year Category** untuk projek UGHIPs – *Solutions that cross the Global Frontiers* dan **Workplace of The Year Category** untuk projek *Eudemonia & Contentment During COVID-19: Building Up resilience Amongst Staff in UNIMAS*.

Program Latihan Audit Dalam ISMS ISO/IEC 27001:2013

Kota Samarahan : Program latihan Audit Dalam Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 telah diadakan secara hibrid di Dewan Kristal, BHEPA (UNIMAS) pada 19-20 Mei 2022.

Kursus anjuran SQRC ini telah dihadiri seramai 14 peserta yang terdiri daripada Juruaudit Dalam (ISMS) yang dilantik.

Kursus bercirikan bengkel dan kajian kes ini dilaksanakan untuk memantapkan kemahiran peserta dalam merancang, melaksana, membuat laporan serta semakan susulan terhadap tindakan penambahbaikan audit dengan cekap dan berkesan serta memenuhi keperluan standard.

Secara tidak langsung kursus ini dapat mengukuhkan kompetensi juruaudit dalam menyemak dokumen pensijilan ISMS dan seterusnya dijangka dapat memberi impak pencapaian Audit Pensijilan Semula oleh pihak ketiga (SIRIM) yang dijadualkan pada September 2022 akan datang.

Sesi soal jawab dan latihan audit juga dijalankan bagi meningkatkan tahap pemahaman peserta dan memastikan setiap peserta terutamanya yang baharu dilantik menjadi Juruaudit Dalam, dapat merasai pengalaman menjalankan audit ISO/IEC 27001:2013 ISMS dengan dibantu dan diselia oleh konsultan SIRIM STS Sdn Bhd yang berpengalaman iaitu Encik Basri Zainol.



Para peserta latihan Audit Dalam ISMS

Auditan Kendiri SETARA 2022

Kota Samarahan : Auditan bahan bukti yang dijana sendiri (Self Audit) bagi tujuan penarafan SETARA 2022 dijalankan dari 23 Mei hingga 13 Jun 2022.


SQRC selaku Urusetia Penyelaras SETARA 2022 telah melaksanakan semakan terhadap data dan bahan-

melalui Sistem MyHER sebelum ini oleh pihak Pusat Sitasi dan Informatik, JPT.

Data bagi tujuan penilaian audit telah disahkan dan berjaya dimuatnaik ke Sistem MyHER oleh SQRC pada 13 Jun 2022.



Bengkel Sistem MyHER - Penarafan SETARA 2022

Kota Samarahan : Susulan penghantaran masterfile penarafan SETARA 2022 pada 30 April yang lalu, Pusat Sitasi dan Informatik, Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan Bengkel Pengenalan Sistem MyHER pada 23 Mei 2022.



Bengkel dihadiri secara *hands-on* oleh Prof Madya Dr Syafiq Lee, Timbalan Pengarah SQRC di Universiti Cyberjaya. Turut serta secara atas talian ialah Pengarah SQRC dan staf yang terlibat dalam proses kerja penarafan ini.

Sistem MyHER merupakan sistem yang akan digunakan bagi tujuan Audit Penarafan SETARA 2022 yang meliputi 3 bahagian iaitu *Self-Audit* (SA) (unverified HLI), *Document-Audit* (DA) dan *Final Audit* (FA) (site audit). FA akan dilaksanakan pada 18 Julai-12 Ogos 2022.



Kemeriahan Sambutan Syawal 1443H

Kota Samarahan : Kemeriahan Syawal 1443H terus dirasai dengan penganjuran Raya Canselori 2022 pada 13 Mei 2022. Tidak melepaskan peluang staf SQRC turut mengadakan jamuan dan ramah tamah Aidilfitri dengan mengadakan rumah terbuka masing-masing. ❤️



Selamat Ulang Tahun Kelahiran





Selamat Menyambut

Hari Gawai

Gayu Guru Gerai Nyamai



ikhlas
Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti & Risiko

Kalendar Aktiviti



Mei 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	THE <i>Impact Rankings</i> 2022 Masterclass Asia	THE	5/5/2022
2	Mesyuarat Perancangan THE <i>Impact Rankings</i>	PTj (Pemegang Taruh)	17/05/2022
3	Bengkel Audit Dalam ISMS ISO/IEC 27001:2013	SIRIM STS Sdn Bhd	19-20/05/2022
4	SETARA 2022 - <i>Self Audit</i>	UA Checks and Report	22/5-13/06/2022
5	Bengkel MyHER - SETARA 2022	Pusat Sitasi & Infometrik, JPT	23/05/2022
6	Laporan Berkala Pengurusan Risiko	PTj - deadline	30/05/2022
7	THE Awards Asia 2022	THE Universities Summit	31/05/2022

Jun 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS - Modul Pelajar	Cut-off date 31.5.2022	1-24/06/2022
2	Sesi Pre-Council Data MyMoheS - Modul Pelajar	KPT - online	7/6/2022
3	Bengkel Audit Dalam QMS ISO 9001:2015	SIRIM STS Sdn Bhd	9-10/06/2022
4	SETARA 2022 - <i>Self Audit</i>	UA Checks and Report	22/5-13/06/2022
5	Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti	Bil.01/2022 Ke-6	21/06/2022
6	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2022 Ke-24	23/06/2022
7	SETARA 2022 - <i>Document Audit</i>	KPT Auditors Checks and Report	25/06-8/07/2022
8	Mesyuarat JKPR	Bil.02/2022	30/06/2022



Aras 3, Canselor
<http://www.sqrc.unimas.my/>